



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 9 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	CEMERLANG LEPASI SASARAN 100 HARI, SH -ONLINE PERKASA SISTEM MAKANAN NEGARA, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	PINJAM RM100,000 TANAM TEMBIKAI, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	BAIK, BURUK AYAM IMPORT, SH -ONLINE STINGKAT KELUARAN TERNAKAN ATASI HARGA TINGGI, KOSMO -ONLINE IMPORT AYAM 'BUNUH' PENIAG KECIL, NEGARA, KOSMO -16 OPERASI LOJI AYAM THAILAND, CHINA BELUM TAMAT TEMPOH, NEGARA, KOSMO -16 'LOJI PROSES AYAM DI THAILAND, CHINA SAH', NASIONAL, SH -6 11 LOJI PROSES AYAM LUAR NEGARA DIIKTIRAF JAKIM, NASIONAL, BH -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	LPP TINGKATKAN HASIL PENGELUARAN PENUHI PERMINTAAN PENGGUNA, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11.	BAKUL SUMOSACK BANTU PEKEBUN NANAS DALAM PENUAIAN BUAH, NASIONAL, SH -23	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
12.	20 ORANG PENDUDUK ASNAF DI KUALA TAHAN TERIMA ZAKAT AGROBANK, KOMUNITI KITA, UM -42	AGROBANK
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26.	PKPS TAWAR PETANI BAJA ORGANIK LEBIH MURAH, NASIONAL, BH -14 'AMBIL UNTUNG SEDIKIT, NIAT BANTU PENDUDUK', NASIONAL, BH -14 KENAIKAN KOS BAHAN MENTAH ANTARA PUNCA KENAIKAN MENDADAK HARGA BAJA, RACUN, UM -ONLINE SWEET DELIGHT, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 DON'T BLAME MIDDLEMEN FOR PRICE INCREASES, NEWS/OPINION, NST -14 GADIS TAK GELI TERNAK SEJUTA IKAN KELI, NEGARA, KOSMO -17 MASIH RM2 SEMANGKUK, LOKAL, HM -18 KEKAL HARGA RENDAH BANTU PENGGUNA, LOKAL, HM -18 PKPS PERKENAL BAJA ORGANIK LEBIH MURAH, LOKAL, HM -18 MODAL TANAM KANGKUNG RM10, LOKAL, HM -12 MUARA CETEK NELAYAN SUSAH, LOKAL, HM -12 SEGERA HAPUS ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -31 KEKAL JUAL AYAM RM10 SEKILOGAM TANGGUNG KOS, DALAM NEGERI, UM -31 SKIM HARGA MAKSIMUM: PENIAGA HANYA DAPAT BALIK MODAL, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Cemerlang lepasi sasaran 100 Hari



Bantuan, insentif dan pembiayaan MAFI telah mencapai seramai 70,446 penerima dengan peratus pencapaian 140 peratus.

80,000 golongan sasar terima manfaat daripada program KPI MAFI

PUTRAJAYA- Meniti 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus cemerlang apabila melepasi sasaran dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Dalam merealisasikan pelaksanaan AKM 100 hari ini, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mencapai tiga sasaran utama yang ditetapkan iaitu Program Meningkatkan Taraf Hidup Kumpulan Sasar dalam pemberian bantuan, insentif dan pembiayaan; Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dan Program Smart Card Keluarga Peladang (Peladang-i).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tiga program utama itu telah diangkat oleh MAFI bagi memenuhi teras menstrukturkan semula ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan sosial.

Menurutnya, perancangan itu memberi keutamaan kepada program yang benar-benar memberikan kesan dan impak besar kepada rakyat.

“MAFI meletakkan kemakmuran dan kebajikan golongan sasar sebagai faktor utama semasa merencana KPI-KPI utama kementerian. Sukacita saya umumkan, lebih 80,000 golongan sasar telah menerima manfaat dari program KPI MAFI ini.

“Semangat 100 hari ini akan terus dijadikan asas untuk terus menyantuni kehendak golongan sasar. MAFI akan terus meletakkan kemakmuran golongan sasar sebagai keutamaan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, sekali gus memastikan sistem makanan negara kekal utuh sepanjang masa bagi Keluarga Malaysia,” jelasnya sewaktu ditemu bual dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM.

Program Meningkatkan Taraf Hidup Kumpulan Sasar dalam pemberian bantuan, insentif dan pembiayaan, MAFI telah mencapai seramai 70,446 penerima dengan peratus pencapaian 140 peratus.

Pencapaian ini kata Ronald, banyak disumbangkan di bawah program MAFI Prihatin dan usaha tetap diteruskan oleh semua jabatan dan agensi bagi memastikan beban kumpulan sasar dapat diringankan, dalam masa yang sama membantu mempromosikan produk keluaran petani dan usahawan tempatan.

Terdapat keseluruhan 11 program bantuan dan insentif yang dilaksanakan di bawah AKM iaitu Program Elaun Sara Hidup (ESH), Rezeki Tani, Rezeki Ternak, Program Insentif Logistik serta Pemasaran di bawah Industri Nanas dan Pemodenan Vessel Perikanan (Zon A dan Zon B).

Selain itu, Pengembangan Akuakultur, Peningkatan Pendapatan Golongan Petani B40 di PPK, Projek Ladang e-Satelit, Penjana Agrobank, Dana Pembiayaan Agromakan dan MAFI Prihatin turut dilaksanakan di semua jabatan dan agensi.

“Program Elaun Sara Hidup Nelayan ini misalnya, dilaksanakan di bawah peruntukan khas Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) sebanyak RM140.5 juta yang melibatkan pembayaran elaun sara hidup, pembayaran insentif tangkapan ikan dan juga bencana.

“Bagi tahun 2021, pemberian ESHN adalah pada kadar RM300 sebulan yang diberikan kepada pemilik vessel perikanan dan pekerja (awak-awak) yang layak serta didaftarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF),” katanya.

Program Rezeki Tani pula adalah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang diselaraskan oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) MAFI, yang mana pelaksanaannya menerusi bajet pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan kos projek sebanyak RM10 juta bagi tempoh lima tahun (2021-2025).

Manakala Program Rezeki Ternak bertujuan untuk membantu meningkatkan penternak kecil atau golongan B40 dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM30 juta di bawah RMK12.

Sementara Program Insentif Logistik dan Pemasaran di bawah Industri Nanas pula dilaksanakan di bawah Peruntukan Program Pre Prihatin yang diterima oleh LPNM (Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia) berjumlah RM13 juta bagi tempoh 2 tahun (2020 - 2021).

“MAFI melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) juga melaksanakan Pemodenan Vessel Perikanan, yang mana meliputi dua pinjaman bagi pemodenan vessel perikanan untuk Zon A dan B dengan kadar faedah 3 peratus dengan pinjaman selama 10 tahun.

“Pemodenan vessel iaitu menambah baik vessel lama kepada baharu dengan memberi bantuan peralatan mekanisasi vessel seperti alat pukut tunda, enjin, sampan dan sebagainya adalah sehingga RM5 juta untuk pemodenan vessel, manakala untuk pinjaman mekanisasi vessel sehingga RM500,000.

“DOF juga melaksanakan Program Pengembangan Akuakultur, yang mana konsep bantuan adalah Geran Padanan 30:70 (30 peratus pengusaha atau syarikat dan 70 peratus kerajaan) dengan bantuan maksimum sebanyak RM 20,000,” jelasnya.

Ujar beliau, kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga memperkenalkan Program Peningkatan Pendapatan Golongan B40 melalui Projek Tanaman Kontan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM13.2 juta yang disalurkan secara berfasa kepada golongan B40 menerusi Pertubuhan Peladang (PP).



Program MAFI Prihatin yang dilaksanakan bersama jabatan dan agensi bertujuan meringankan beban penerima yang terjejas.

LPP juga telah memperkenalkan Projek Ladang E-Satelit yang menawarkan geran padanan 70:30 dengan nilai maksimum sehingga RM30,000 bagi setiap Pertubuhan Peladang atau ahli dan usahawan peladang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta.

Pembiayaan Penjana dalam menyediakan bantuan kewangan dalam sektor agropertanian melalui usaha sama di antara MAFI dan Agrobank. Kadar pembiayaan kepada pelanggan adalah 3.5 peratus

dengan nilai pembiayaan sebanyak RM1,000 hingga RM50,000 untuk tempoh maksimum sehingga lima tahun.



“Agrobank juga menyediakan Dana Pembiayaan Agromakanan dengan objektif untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mengurangkan import makanan dari negara luar, di samping menyediakan pembiayaan bagi projek-projek dalam sektor makanan pada kos yang berpatutan.

“Kadar pembiayaan kepada pelanggan adalah 3.5 peratus untuk pembiayaan sehingga RM5 juta manakala 4.75 peratus bagi pembiayaan yang melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta,” katanya.

Selain itu jelasnya, program MAFI Prihatin yang dilaksanakan di semua jabatan dan agensi, merupakan program berbentuk sumbangan produk agromakanan dengan tujuan meringankan beban penerima sumbangan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Program ini juga dapat membantu mempromosikan produk keluaran petani dan usahawan tempatan yang terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dan dapat meningkatkan permintaan produk agromakanan di pasaran, seterusnya menjamin pendapatan petani dan usahawan tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Perkasa sistem makanan negara



Ronald (kiri) bersama Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Zamri (dua dari kiri) memegang sampel beras hasil tanaman padi projek bersepadu di Kg Namdam, Kedah pada Majlis Pra Pelancaran Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i).

Program Smart SBB dilaksanakan untuk memastikan daya tahan sistem makanan negara kekal utuh

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 merupakan antara komitmen Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan (MAFI) terhadap sekuriti makanan negara, terutamanya dalam menangani impak Covid-19 terhadap sistem makanan

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelan itu bermatlamatkan pemerkasaan daya tahan sistem makanan negara agar kekal utuh melalui beberapa inisiatif termasuk Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB).

Menurutnya, keprihatinan kerajaan terhadap isu sekuriti makanan negara juga bersandarkan kepada populasi penduduk negara yang akan terus meningkat untuk tempoh 10 tahun akan datang seiring dengan peningkatan risiko pengeluaran sumber makanan.

“Kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara ketika ini berada pada paras sekitar 70 peratus, menyebabkan negara masih bergantung kepada bekalan beras import A daripada Vietnam, Thailand, Kemboja, India dan Pakistan.

“Keperluan bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat dan pada masa sama trend pengimportan beras dari luar negara perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara, produktiviti padi di peringkat domestik perlu ditingkatkan.

“Keperluan bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat dan pada masa sama trend pengimportan beras dari luar negara perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara, produktiviti padi di peringkat domestik perlu ditingkatkan.

Pelaksanaan Program Smart SBB juga merupakan antara solusi yang dirangka untuk meningkatkan produktiviti industri padi dan beras negara dengan memperluaskan adaptasi teknologi, menambahbaik infrastruktur dan fasiliti sedia ada untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti berteraskan skala ekonomikal.



Ronald diberi penerangan mengenai progres tanaman padi melalui projek Smart SBB.

Program ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak dan sewaan.

“Kejayaan Program Smart SBB dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat dapat diterjemahkan melalui pencapaian AKM (Aspirasi Keluarga

Malaysia) MAFI.

“Sehingga 16 November 2021, bilangan penglibatan pesawah adalah seramai 3,811 pesawah, melebihi sasaran 1,085 dan peningkatan pendapatan pesawah sehingga 50 peratus.

“Bukan sesuatu yang mudah untuk MAFI meyakinkan para pesawah untuk sama-sama menjayakan program baharu, namun akhirnya pilihan mereka amat berbaloi,” ujarnya.

Baginya, sudah sampai masa pihak swasta diberi peluang memainkan peranan menerajui industri padi dan beras negara bagi menyuntik semangat baru kepada industri padi dan beras melalui pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin.

Kementeriannya berhasrat untuk menarik pelaburan swasta bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

Program Smart SBB Sesi 1/2021 disertai oleh 11 buah syarikat peneraju dalam membangunkan kawasan penanaman padi dengan sasaran seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

#### **PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)**

- Melibatkan 3,811 pesawah, melebihi sasaran 1,085 pesawah
- Manfaat peningkatan pendapatan pesawah sehingga 50 peratus
- 7 buah syarikat peneraju tandatangani MoU bagi sesi 2/2021 SMART SBB
- Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, bertepatan dengan keperluan sekuriti makanan negara.

Usahawan muda jana untung ratusan ribu ringgit, tuai 12 tan tanaman setiap musim

# Pinjam RM100,000 tanam tembikai



RAJA MOHD. PARIS (kiri) menunjukkan buah tembikai boci yang ditanam di RKT Kesedar Paloh 3, Gua Musang semalam.

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** - Usaha gigih seorang pemuda memerah jenis boci nyata berbaloi apabila mampu menuai 120 tan hasil tanaman itu setiap musim.

Raja Mohd. Paris Raja Ismail, 33, mengusahakan tanaman berkenaan di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3, di sini sejak tiga tahun lalu.

Dia kini mampu meraih pendapatan mencecah ratusan ribu ringgit apabila hasil tanaman di atas tanah seluas 10 hektar turut dieksport ke luar negara.

Menurut Raja Mohd. Paris, biarpun tanaman itu dimulakan tiga tahun lalu, namun dia harya serius selepas hilang mata pencaharian sebagai kontraktor makanan di sekolah akibat pandemik Covid-19 pada tahun lalu.

"Saya bersyukur kerana men-

dapat bantuan rakan-rakan. Ketika mahu memulakan tanaman berkenaan, saya bertutang hampir RM100,000 daripada mereka dan ahli keluarga terdekat.

"Kini, saya sudah berjaya menuai hasil tembikai boci untuk empat musim. Kesemuanya dijual di pasaran tempatan termasuk Johor dan Sarawak selain dieksport ke Hong Kong," katanya ketika ditemui di ladangnya di sini semalam.

Tambah Raja Mohd. Paris, harga tembikai boci kini agak tinggi mencecah RM2.20 hingga RM2.50 sekilogram.

Jelasnya, dia kini lega apabila penat lelahnya hampir berbayar selepas memperoleh pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan daripada Pegawai Jabatan Pertanian Gua Musang, Azrim Ibrahlim semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Baik, buruk ayam import



Tindakan kerajaan mengimport ayam sejuk beku merupakan langkah bijak bagi menstabilkan harga keperluan makanan dalam keadaan rakyat tertekan dengan peningkatan kos sara hidup sekarang.

TINDAKAN kerajaan mengimport ayam sejuk beku merupakan langkah bijak bagi menstabilkan harga keperluan makanan dalam keadaan rakyat tertekan dengan peningkatan kos sara hidup

sekarang.

Dengan lambakan ayam di pasaran, penawaran dan permintaan akan menjadi seimbang sekali gus ia bakal melegakan keresahan rakyat berkenaan isu harga ayam sejak beberapa bulan lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku seawal minggu ini.

Begitu juga dengan ikan sejuk beku yang disimpan sebagai stok di bawah program Q'Fish dilambakkan dalam pasaran sebagai langkah segera menstabilkan harga kerana turut menunjukkan peningkatan atas faktor cuaca iaitu musim tengkujuh.

Dari sudut pengguna, ia suatu berita yang sangat dinantikan kerana mempunyai pilihan untuk mendapatkan bekalan pada harga lebih murah.

Langkah mengimport ayam sejuk beku dari negara luar seperti China dan Thailand mungkin penyelesaian jangka pendek kepada peningkatan harga ayam tempatan kerana perlu mengambil kira kelangsungan industri berkenaan.

Bagaimanapun, pada masa kini, sudah ada kedengaran dan rungutan daripada pemborong dan pembekal ayam yang meminta kerajaan tidak meneruskan hasrat membawa masuk ayam import.

Ini kerana jika diteruskan ia berisiko menjejaskan pusat-pusat penyembelihan ayam kecil-kecilan terutama milik bumiputera kerana tidak mampu bersaing dengan tawaran ayam import.

Selain itu, persatuan penternak-penternak ayam menjelaskan bahawa pihaknya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya di peringkat ladang tetapi terpaksa melakukannya susulan kenaikan kos dedak.

Antara sebab lain yang menyumbang kepada kenaikan tersebut ialah kekurangan pekerja asing dan faktor cuaca yang memainkan peranan penting dalam soal tumbesaran ayam di ladang.

Justeru, dalam hal ini kerajaan perlu mengambil langkah menang-menang bagi menjamin rakyat tidak berdepan dengan peningkatan harga ayam manakala pengusaha pula tidak gulung tikar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	KOSMO	ONLINE	

## Tingkat keluaran ternakan atasi harga tinggi



**KENAIKAN** harga makanan ternakan di pasaran global menyebabkan penternak berdepan kos tinggi bagi mendapatkan bekalan.

Kenaikan itu di luar kawalan kerajaan kerana harga makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya semakin meningkat di pasaran dunia.

Keadaan ini boleh mempengaruhi kenaikan harga ayam standard di pasaran tempatan ketika ini.

Terkini, harga ayam di pasaran antara RM9.50 hingga RM11.50 sekilogram.

Kenaikan turut berlaku kepada bekalan makanan ternakan lain seperti daging lembu segar, daging kambing segar dan sebagainya.

Industri ternakan terutama ternakan ruminan pada masa ini masih berskala kecil dan berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import.

Antara isu dan cabaran dihadapi dalam pembangunan industri ini adalah kekurangan baka berkualiti, harga makanan ternakan tinggi serta kekurangan kepakaran dan tenaga kerja.

Dalam hal ini, transformasi industri ternakan perlu ditumpukan kepada perusahaan ternakan secara komersial, penghasilan baka ternakan berkualiti, peluasan Amalan Penternakan Haiwan Baik (GAHP) dan penghasilan rumusan makanan ternakan bermutu pada harga kompetitif.

Selain itu, aspek penyelidikan dan pembangunan dari segi kawalan penyakit haiwan dan kecekapan sistem ternakan juga harus diberi penekanan.

Industri bukan ruminan termasuk ayam, itik, babi serta telur (melibatkan ayam dan itik) yang mencapai tahap sara diri yang tinggi terus dibangunkan supaya daya saing serta kemampuan industri ini dapat ditingkatkan.

Dengan senario mencabar ini, industri ternakan masih kekal relevan dan ada potensi baik untuk dikembangkan.



KENAIKAN harga makanan ternakan di pasaran dunia dikatakan mempengaruhi kenaikan harga ayam di negara ini. – GAMBAR HIASAN

Dasar dan polisi pembangunan ternakan boleh ditumpukan kepada usaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan produk ternakan berkualiti tinggi di pasaran tempatan dan juga membuka ruang untuk eksport.

Pengeluaran ternakan terpilih akan diberi

galakan bagi memenuhi permintaan bahan mentah yang dapat merangsang pertumbuhan industri pemprosesan berasaskan ternakan.

Sehubungan itu, pengeluaran ternakan ayam dan telur juga mesti ditingkatkan untuk memenuhi permintaan bahan mentah aktiviti pemprosesan hiliran.

Langkah-langkah untuk meningkatkan produk daging segar lembu, kerbau dan kambing serta produk tenusu bagi memenuhi permintaan tempatan akan dilaksanakan.

Rusa yang diternak sebagai daya tarikan agropelancongan pula dipromosikan untuk dibela secara komersial sebagai alternatif sumber daging.

Ternakan lain yang turut diberikan perhatian adalah burung unta, puyuh, itik, angsa, ayam belanda, burung merpati, kijang dan lain-lain yang boleh diternak mengikut permintaan pasaran.

Kajian pembangunan berterusan dilaksanakan terhadap produk baharu yang berpotensi untuk dijadikan bahan makanan atas desakan permintaan tempatan serta luar negara.

Dalam pada itu, penyertaan sektor swasta dalam bidang ini turut diberikan galakan dan insentif. Sistem perladangan tradisional secara kecil-kecilan yang kurang efisien dan produktif ditransformasi menjadi ladang berdaya maju dan berdaya saing.

Bagi merealisasikan program ini, penternak lembu tenusu, pedaging, kerbau, kambing dan rusa dibekalkan dengan baka ternakan bermutu tinggi untuk dibiak.

Penternakan secara komersial berasaskan penggunaan teknologi moden perlu diberi galakan dan insentif.

Melalui program ini, penggunaan tanah secara optimum diberikan perhatian khusus seperti skim integrasi ternakan dengan tanaman komoditi atau tanaman hutan komersial.

Bagi menjamin bekalan baka ternakan bermutu tinggi sentiasa mencukupi, sektor swasta diberikan galakan dan insentif untuk menceburi bidang pengeluaran baka ternakan bermutu.

Ia dibuat melalui sistem pembiakan saintifik terancang di ladang pembiakan baka dan penetasan ternakan komersial.



PENTERNAKAN itik untuk telur terus dibangunkan agar daya saing industri ini ditingkatkan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dijangka melaksanakan empat inisiatif bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan sebanyak RM120 juta.

Inisiatif itu dijangka dapat meningkatkan sekuriti makanan negara melalui

pengurangan import, khususnya makanan ternakan.

Ia merangkumi pelbagai projek Jaminan Bekalan Makanan melibatkan banyak negeri termasuk Pembangunan Industri Akuakultur dan Estet Kerang-Kerangan di Johor serta program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara.

Ini bagi menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan serta hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani dan pengusaha agromakanan.

Selain itu, program Bantuan Insentif Makanan Ternakan Ruminan melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit membolehkan penternak mendapatkan bekalan makanan ternakan pada harga murah.

---

DR. SANSUL BAHRI AHMAD ialah Pengarah Makmur Livestocks Sdn. Bhd., dan pernah bertugas sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan serta tenaga pengajar sepenuh masa Institut Veterinar Malaysia di Kluang, Johor.

# Import ayam 'bunuh' peniaga kecil

Oleh JAMLIH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Syarikat penternakan ayam melahirkan kebimbangan dengan keputusan kerajaan memberi kebenaran untuk mengimport bahan mentah itu kerana dikhuatiri 'membunuh' peniaga kecil untuk jangka masa panjang.

Penternak yang juga Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismu), Mazlina Kamarudin berkata, langkah tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada syarikat besar yang menjual ayam segar, malah mereka di peringkat runcit.

"Kebanyakan ayam import biasanya dijual di pasar raya yang sekarang tumbuh melata walaupun di pekan-pekan kecil. Jadi orang ramai akan berpusing ke pasar raya membeli ayam kerana harganya lebih murah berbanding pasar atau gerai di tepi jalan."

"Kebanyakan peniaga kecil ini mereka tidak mampu untuk bersaing dengan pasar raya. Lama-kelamaan mereka akan

bungkus (tutup operasi)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Akhbar baru-baru ini melaporkan kerajaan memberi kebenaran untuk mengimport ayam sejuk beku bagi tempoh tiga bulan bermula bulan ini sehingga Februari 2022.

Kebeneran mengimport tersebut bertujuan bagi menstabilkan harga ayam di pasaran memabatkan pertambahan import sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan.

Mengulas lanjut, Mazlina memberitahu, syarikat penternakan terpaksa mengeluarkan produk hiliran atau ayam segar beku bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung.

"Jika ditanyakan kepada penternak seperti saya, memang kami terasa apabila ada yang mengatakan kami degil kerana tidak mahu menurunkan harga ayam maka dilambakkan ayam import sebagai 'hukuman'."

"Kami terima ujian ini dan cuba sedaya-upaya untuk bertahan," ujarnya.



LANGKAH kerajaan mengimport ayam sejuk beku dikhuatiri boleh menyebabkan peniaga kecil termasuk di gerai tepi jalan dan pasar gubung tikar. — CAMBAR HIASAN

## LPP tingkatkan hasil pengeluaran penuhi permintaan pengguna

**JERANTUT** – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berusaha meningkatkan pengeluaran makanan dari ladang bagi meringankan beban pengguna serta dan dalari usaha mengatasi beban kenaikan harga.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azulita Salim berkata, pada masa ini, pihaknya melalui usahawan di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara sudah melaksanakan inisiatif tersebut.

"Kita sedia maklum kenaikan harga sayur, ayam dan bahan mentah lain berpunca daripada peningkatan harga baja dan racun."

"Bagaimanapun, program tanaman ladang dan ternakan di bawah LPP tetap diteruskan di bawah pengusaha PPK di tempat masing-masing," katanya pada Program Khas Dapur Peladangnya 'Moh Masak Weh' anjuran LPP dan PPK Pahang di sini semalam.

Menurut beliau, usahawan LPP dan PPK diarah supaya meningkatkan pengeluaran hasil bagi memenuhi permintaan pengguna bagi mengurangkan



AZULITA (tengah) mencuba masakan asam tempoyak ikan patin Sungai Tembeling sempena pertandingan memasak Program Khas Dapur Peladangnya 'Moh Masak Weh' di Jerantut, Pahang semalam.

tekanan kenaikan harga dan membelanja orang ramai.

Tambahnya, LPP akan terus menyokong aktiviti pemasaran yang dijalankan Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

sebagai pelengkap dalam membantu pengusaha PPK di semua tempat.

Selain FAMA, pengusaha ladang LPP dan PPK turut memasarkan hasil melalui Pertubuhan Peladang Negeri dan Pusat Pengedaran Peladang.

## Operasi loji ayam Thailand, China belum tamat tempoh

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memaklumkan operasi sembilan loji ayam di Thailand dan dua loji ayam di China yang mengeksport ternakan itu ke negara ini masih sah.

DVS dalam kenyataannya berkata, pihaknya memandangkan serius dakwaan menerusi video tular di media sosial mengatakan loji ayam di dua negara berkenaan yang mengeksport produk ayam ke Malaysia telah tamat tempoh dan tidak halal.

"DVS ingin memaklumkan terdapat sembilan loji ayam yang diluluskan untuk mengeksport ayam dan keratan ayam di Thailand dan China."

"Justeru, DVS mengesahkan kesemua loji ayam yang disenarai di laman sesawang jabatan ini masih sah untuk mengeksport ke Malaysia," kata di sini semalam.

DVS memberitahu, senarai loji-loji sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa di laman sesawang jabatan tersebut dan premis yang didapati tidak mematuhi syarat import ditetapkan oleh kerajaan akan digantung kelulusan.



Justeru, DVS mengesahkan kesemua loji ayam yang disenarai di laman sesawang jabatan ini masih sah untuk mengeksport ke Malaysia."

"Notifikasi penggantungan akan dipaparkan pada nama loji tersebut di laman sesawang DVS untuk makluman pihak-pihak berkepentingan," ujarnya.

Dalam pada itu, DVS menegaskan, Badan Pengesahan Halal Luar Negara yang mengawal selia aktiviti penyembelihan halal di loji ayam di Thailand dan China masih sah tempoh pengiktirafan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sehingga 31 Disember 2023.

"Orang awam diingatkan supaya merujuk DVS bagi mendapatkan keterangan dan pengesahan sebelum membuat sebarang hebah dalam media sosial bagi mengelakkan spekulasi," tegasnya.

# 'Loji proses ayam di Thailand, China sah'

Jabatan Perkhidmatan Veterinar beri penjelasan mengenai status halal ayam import

Oleh **ADRIANA NABILLA MOHD ANUAR**

**SHAH ALAM**

**J**abatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan kesemua loji pemprosesan ayam di Thailand dan China yang disenaraikan di laman sesawang DVS rasmi sah untuk mengeksport ke Malaysia dan diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Jabatan itu dalam kenyataan pada Rabu berkata, pihaknya memandang serius berikutan video seorang penceramah bebas yang tular di media sosial yang mendakwa loji-loji ayam di Thailand dan China yang mengeksport produk ayam ke Malaysia telah tamat tempoh serta tidak halal.



JPV beri pengesahan kesemua loji pemprosesan ayam di luar negara iaitu Thailand dan China untuk Malaysia berstatus halal dan diluluskan oleh Jakim.

"JPV ingin memaklumkan terdapat sembilan loji ayam yang diluluskan untuk mengeksport daging ayam dan keratan ayam dari Thailand dan dua dari negara China.

"Senarai loji di laman sesawang JPV dikemas kini dari semasa ke semasa dan loji yang didapati tidak mematuhi syarat import oleh kerajaan Malaysia digantung kelulusan eksport.

"Notifikasi penggantian akan dipaparkan pada nama loji tersebut di laman sesawang JPV untuk makluman pihak berkepentingan,"

kata kenyataan itu.

JPV turut menjelaskan bahawa Badan Pengesahan Halal Luar Negara yang mengawal selia aktiviti penyembelihan halal di loji ayam di Thailand, The Central Islamic Council of Thailand dan Shandong Halal Certification Services di China masih sah tempoh pengiktirafan oleh Jakim sehingga 31 Disember 2023.

Justeru, orang awam diingatkan merujuk pihak berkuasa Veterinar dan JPV keterangan serta pengesahan bagi mengelakkan spekulasi.

## Baik, buruk ayam import

**TINDAKAN** kerajaan mengimport ayam sejuk beku merupakan langkah bijak bagi menstabilkan harga keperluan makanan dalam keadaan rakyat tertekan dengan peningkatan kos sara hidup sekarang.

Dengan lambakan ayam di pasaran, penawaran dan permintaan akan menjadi seimbang sekali gus ia bakal melegakan keresahan rakyat berkenaan isu harga ayam sejak beberapa bulan lalu.

Pertana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengimport 200 hingga 300 kontena ayam sejuk beku seawal minggu ini.

Begitu juga dengan ikan sejuk beku yang disimpan sebagai stok di bawah program QFish dilambakkan dalam pasaran sebagai langkah segera menstabilkan harga kerana turut menunjukkan peningkatan atas faktor cuaca iaitu musim tengkujuh.

Dari sudut pengguna, ia suatu berita yang sangat dinantikan kerana mempunyai pilihan untuk mendapatkan bekalan pada harga lebih murah.

Langkah mengimport ayam sejuk beku dari negara luar seperti China dan Thailand mungkin penyelesaian jangka pendek kepada peningkatan harga ayam tempatan kerana perlu mengambil kira kelangsungan industri bekennaan.

Bagaimanapun, pada masa kini, sudah ada kedengaran dan rungutan daripada pemborong dan pembekal ayam yang meminta kerajaan tidak meneruskan hasrat membawa masuk ayam import.

Ini kerana jika diteruskan ia berisiko menjejaskan pusat-pusat pembelian ayam kecil-kecilan terutama milik bumiputera kerana tidak mampu bersaing dengan tawaran ayam import.

Selain itu, persatuan penternak-penternak ayam menjetaskan bahawa pihaknya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya di peringkat ladang tetapi terpaksa melakukannya susulan kenaikan kos dedak.

Antara sebab lain yang menyumbang kepada kenaikan tersebut ialah kekurangan pekerja asing dan faktor cuaca yang memaikan peranan penting dalam soal tumbesaran ayam di ladang.

Justeru, dalam hal ini kerajaan perlu mengambil langkah menang-menang bagi menjamin rakyat tidak berdepan dengan peningkatan harga ayam manakala pengusahanya pula tidak gulung tikar.

## PKPS tawar petani baja organik lebih murah

**Shah Alam:** Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memperkenalkan baja organik dengan tawaran harga lebih murah serta berpatutan.

Baja berkenaan diperkenalkan berikutan kenaikan harga baja dan racun yang menjadi kelesuan petani serta peladang kecil di seluruh negara pada masa ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi, berkata menerusi inisiatif itu petani turut digalakkan untuk menggunakan baja jenis semula jadi.

"Sebagai pengenalan, harga dijual bagi satu tan baja organik keluaran PKPS hanya RM500 berbanding harga di pasaran, iaitu sekitar RM1,000 hingga RM2,000.

"Oleh kerana PKPS mempunyai kilang pengeluaran baja serta rangkaian logistik sendiri, segala aspek kawalan harga ditentukan oleh PKPS tanpa terkesan oleh kenaikan harga pasaran tempatan," katanya ketika ditemui pada program pelancaran kempen jualan serta agihan Baja Organik Ehsan PKPS di pekarangan Bangunan Dewan Negeri Selangor, semalam.

Beliau berkata, baja berkenaan dibuat dengan 100 peratus bahan organik daripada tinja ayam dan mempunyai kandungan NPK (Nitrogen, Phosphorus, Potassium) yang tinggi justeru, ia mampu meningkatkan kandungan nutrisi dalam tanah, sekali gus meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman.

Katanya, penggunaan baja organik berkenaan digalakkan kerana bermutu tinggi dan sesuai untuk semua tanaman sama ada sayur, bunga dan kelapa sawit.

Dalam pada itu, PKPS akan menyumbang satu tan baja kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor untuk diagihkan kepada penduduk di lokaliti masing-masing.

Sebagai pengenalan, harga dijual bagi satu tan baja organik keluaran PKPS hanya RM500 berbanding harga di pasaran, iaitu sekitar RM1,000 hingga RM2,000

**Mohamad Khairil Mohamad Razi,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS



# 11 loji proses ayam luar negara diiktiraf JAKIM

## JPV nafi dakwaan penceramah bebas ayam eksport dari Thailand, China tak halal

Oleh Suzalina Hatid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menegahkan semua loji memproses ayam di Thailand dan China bagi mengeksport keratan dan daging ternakan itu ke Malaysia adalah masih sah dan diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata ada sembilan loji ayam yang diluluskan untuk mengeksport da-

ging ayam dan keratan ayam di negara Thailand dan dua di negara China.

Mengulas lanjut, beliau berkata, senarai loji di laman sesawang JPV dikemas kini dari semasa ke semasa dan loji yang didapati tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan Kerajaan Malaysia akan digantung kelulusan eksport.

"Notifikasi penggantungan akan dipaparkan pada nama loji itu di laman sesawang JPV untuk makluman pihak berkepentingan.

"Sehubungan itu, JPV menegahkan semua loji ayam yang disenaraikan di laman sesawang JPV adalah masih sah untuk mengeksport ke Malaysia," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Sebelum ini, terdapat sebuah video yang tular di media sosial yang menampilkan seorang penceramah bebas mendakwa loji ayam Thailand dan China

yang mengeksport produk ayam ke Malaysia sudah tamat tempoh dan tidak halal.

Pada masa sama, Norlizan berkata, JPV memandang serius dakwaan dalam video berkenaan, sekali gus menafikan dakwaan penceramah bebas terbabit.

Beliau berkata, Badan Pengeksporan Halal Luar Negara yang mengawal selia aktiviti penyembelihan halal di loji ayam Thailand, iaitu Majlis Pusat Islam

Thailand dan Perkhidmatan Pensijilan Halal Shandong di China adalah masih sah tempoh pengiktirafan oleh JAKIM sehingga 31 Disember 2023.

"Justeru, orang awam ditingkatkan supaya merujuk kepada Pihak Berkuasa Veterinar untuk mendapatkan keterangan dan pengesahan perkara yang berkaitan sah sebelum membuat sebarang hebah dalam media sosial bagi mengelakkan spekulasi," katanya.

Senarai loji di laman sesawang JPV dikemas kini dari semasa ke semasa dan loji yang didapati tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan Kerajaan Malaysia akan digantung kelulusan eksport

**Norlizan Mohd Noor,**  
Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Azwan (kiri) bersama rakan menyusun bekalan ayam ketika ditemui di kedainya di Peringat. (Foto HidayatIdayu Razali/BH)



Nur Farahani tidak mahu bebankan pelanggan dengan menjual sayur dengan harga yang tinggi.

## 'Ambil untung sedikit, niat bantu penduduk'

**Kota Bharu:** Ketika harga ayam dan sayur-sayuran naik, ada segelintir penjual barangan keperluan harian di Kelantan sedaya upaya cuba mengekalkan harga yang rendah bagi membantu masyarakat.

Tinjauan di sekitar Bachok dan Kota Bharu mendapati ayam dijual dengan harga antara RM7.50 sehingga RM7.90 sekilogram, manakala sayur-sayuran seperti sawi di bawah RM5 sekilogram.

Peniaga ayam, Azwan Che Mat, 31, yang menjual ayam dengan harga RM7.90 sekilogram

berkata, dia mengambil untung sedikit kerana mahu membantu penduduk kampung.

Katanya, walaupun mendapat bekalan ayam dengan harga yang tinggi, dia tidak mahu mengambil keuntungan yang banyak.

"Saya mahu membantu penduduk kampung yang terjejas supaya mampu membeli ayam memandangkan banyak barang keperluan harian sudah naik harga.

"Alhamdulillah hasil jualan yang murah ini dapat menarik lebih ramai pelanggan apabila

saya mampu menjual sehingga 500 ekor ayam sehari," katanya ketika ditemui di kedainya di Peringat di sini, semalam.

Katanya bekalan ayam diperolehnya daripada pembekal di sekitar Kota Bharu, Pasir Mas dan beberapa daerah lain.

Peniaga sayur, Nur Farahani Abd Karim, 20, berkata, harga sayur-sayuran di kedainya masih lagi rendah apabila dapat menjual sawi dengan harga RM5 sekilogram, tomato RM5 sekilogram, cili merah RM12 sekilogram dan beberapa sayur lain juga dengan di bawah harga siling.

Katanya, ketika ini, harga sayur-sayuran yang diperolehnya daripada pemborong sangat tinggi, namun sebagai penjual dia tidak mahu memberi beban kepada pelanggan dengan menjual dengan harga yang mahal.

"Untung 60 sen sekilogram sudah cukup bagi saya asalkan barang yang diambil ini habis. Jika tidak dijual sayur-sayuran ini lama-lama akan jadi busuk.

"Lebih baik saya jual dengan harga yang murah, asalkan sayur-sayuran ini laris," katanya ketika ditemui di Jelawat, Bachok.

## Bakul Sumosack bantu pekebun nanas dalam penuaian buah



FOTO: BERNAMA

Nik Muhammad Zawawi (kiri) menggunakan bakul ergonomik Smart Fruits Harvesting Basket (Sumosack) hasil kajian UPM ketika memetik buah nanas yang telah masak pada lawatan ke Projek Kelompok Tanaman Nanas Parit Ghani, Simpang Renggam pada Selasa. Turut kelihatan, Mohd Khairuzamri (dua dari kanan).

**KLUANG** - Bakul ergonomik Sumosack yang dicipta khas untuk kegunaan pekebun nanas, diharapkan dapat membantu mengurangkan masalah berkaitan gangguan 'musculoskeletal' yang menjejaskan tulang, otot dan sendi golongan tersebut.

Menyambut baik inovasi *Smart Fruit Harvesting Basket* itu, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, hasil ciptaan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama LPNM itu merupakan pe-

invasi bagi menggantikan bakul rotan sekali gus membantu meningkatkan produktiviti pengeluaran nanas.

"Bakul ergonomik atau lanjung nanas yang masih dalam tempoh percubaan ini merupakan sumbangan daripada SME Corp dengan pelaksana Yayasan Inovasi Malaysia di bawah Program Berimpak Tinggi (HIP-6) ini pada saya merupakan satu ciptaan atau langkah baik di mana penciptaannya mengambil kira faktor keselamatan dan kesihatan pekebun.

"Bakul ini memainkan pe-

ran penting bagi membantu dan menyokong 'mereka' untuk membuat kerja ini dengan lebih mudah, ringan dan ia mempunyai ciri keselamatan menjaga struktur tulang belakang," katanya di Pusat Pengumpulan Nanas Kelompok Parit Ghani, Kampung Parit Gantung, Parit Haji Basri di sini pada Selasa.

Beliau sebelum itu mengiringi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh melawat Projek Tanaman Nanas Kelompok Parit Ghani di sini.

Hadir sama dalam lawatan ini adalah Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Mazlan Othman dan Profesor Madya Dr Emilia Zainal Abidin dari Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan UPM.

Dalam lawatan tersebut, sebanyak 50 unit bakul Sumosack disumbangkan kepada pekebun nanas terpilih di negeri ini.

Turut disampaikan insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha-



FOTO: BERNAMA

Nik Muhammad menyerahkan 50 bakul ergonomik Smart Fruits Harvesting Basket (Sumosack) hasil kajian UPM kepada wakil pengusaha nanas negeri Johor, Shahrizan Masngit (kanan) ketika lawatan ke Projek Kelompok Tanaman Nanas Parit Ghani, Simpang Renggam pada Selasa. Turut kelihatan, Mohd Khairuzamri (dua dari kanan) dan Emilia.

ran yang akan diterima 576 pekebun nanas di Johor bermula RM1.3 juta.

Dalam perkembangan lain, MAFI melalui LPNM menyasarkan untuk meningkatkan kawasan tanaman nanas negara kepada 20,000 hektar menjelang tahun 2025 berbanding 17,000 hektar pada 2020.

Selain itu, LPNM juga akan meningkatkan kadar peraturan tanaman nanas varieti MD2 daripada 15 peratus ketika ini kepada 50 peratus, bagi menampung permintaan tinggi dalam pasaran domestik serta eksport.

- *Bernama*



## 20 orang penduduk asnaf di Kuala Tahan terima zakat Agrobank

Agrobank baru-baru ini menyantuni golongan asnaf apabila memberi bantuan zakat bernilai RM2,000 kepada 20 orang golongan tersebut di Kampung Kuala Tahan, Jerantut baru-baru ini.

Majlis serah zakat untuk golongan asnaf kampung Kuala Tahan disempurnakan oleh Ketua Perkhidmatan dan Jualan Agrobank cawangan Pahang, Samion Awang kepada Ketua Kampung Kuala Tahan, Abdul Jalil Abd. Rahman.

Menurut Abdul Jalil, penduduk terpilih adalah yang benar-benar layak untuk menerima sumbangan daripada Agrobank Pahang bernilai RM100 seorang.

Wang berkenaan digunakan

untuk membuka akaun simpanan masing-masing.

"Kita bersyukur dan amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Agrobank Pahang kerana bantuan ini dapat meringankan perbelanjaan keluarga asnaf di sini.

"Usaha murni institusi ini diharap memperoleh ganjaran yang besar Allah SWT," katanya di Kuala Tahan, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

■ SAMION Awang (dua, kiri) menyampaikan replika cek zakat daripada Agrobank Pahang kepada Abdul Jalil Abdul Rahman (dua, kanan) di Kuala Tahan, Jerantut, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN /HARIS FADILAH AHMAD



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Kenaikan kos bahan mentah antara punca kenaikan mendadak harga baja, racun



NURULHISHAM YAAKOB

KANGAR: Perubahan polisi negara pengeksporn, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran dikenal pasti antara punca kenaikan mendadak harga baja dan racun kebelakangan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, sesi libat

urus yang dikenali sebagai jawatankuasa bersama berkenaan isu kenaikan harga baja dan racun sudah memberi beberapa cadangan kepada Kabinet mengenai isu kenaikan harga secara mendadak itu.

Katanya, kuasa kawalan racun sebenarnya tidak berada di bawah kawalan kerajaan negeri sebaliknya di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Sebagai makluman, KPDNHEP telah mengadakan satu libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan wakil persatuan industri pertanian pada 10 November 2021 bagi menangani isu kenaikan harga baja dan racun,” katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Mohd. Ridzuan Hashim (Pas-Guar Sanji) mengenai apakah peranan kerajaan negeri dalam mengawal dasar pertanian dan perdagangan berkaitan peningkatan harga racun dan baja dalam sektor pertanian.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, dianggarkan hampir satu juta petani di negara ini terkesan berikutan kenaikan berterusan harga racun rumpai yang dikatakan mencecah sehingga 100 peratus sekali gus menyebabkan golongan tersebut mengalami kerugian.

Kenaikan tersebut dikatakan berlarutan sejak Mac lalu dan menunjukkan peningkatan setiap bulan sehingga mencecah RM400 bagi 20 liter bahan keperluan pertanian berkenaan ketika ini.

Tambah Nurulhisham, pelbagai usaha dilakukan bagi mengurangkan kesan kenaikan harga baja dan racun ketika ini.

Katanya, antaranya jabatan dan agensi di bawah MAFI mengambil inisiatif menggalakkan petani mengamalkan pengurusan perosak bersepadu bagi mengurangkan kebergantungan terhadap racun kimia melalui kawalan secara kultural, kawalan fizikal dan kawalan biologi.

Selain itu katanya, antara langkah lain adalah menggalakkan dan mempromosikan penggunaan input pertanian berasaskan mikroorganisma berfaedah seperti ‘Plant Booster’, ‘Growth Enhancer’ dan ‘Bokashi’.

**“Kita juga menggalakkan penggunaan bahan sisa tanaman seperti jerami padi untuk dijadikan baja kompos selain menjalankan aktiviti pengembangan bagi mendidik petani untuk menggunakan baja dan racun mengikut keperluan dan sukatan yang tepat dengan teknik-teknik yang betul supaya penggunaan baja dan racun adalah berkesan,” katanya.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	4



**SWEET DELIGHT**

... Fruit farmer Muhamad Kasfi Shahabudin showing a fully ripened 'D2' pineapple that he plants alongside the 'Moris' and 'Kristal' varieties at his 10ha orchard in Kampung Pokok Tai, Kedah.  
- **BERNAMAPIX**

## LOOK AT THE ROOT CAUSE

## Don't blame middlemen for price increases

DR AHMAD  
IBRAHIM

**CHANGES** in food prices, both big and small, never fail to attract media attention. At times of low prices, farmers just cut supply to prop up prices.

When the price of chicken dipped, excess chickens were sacrificed to stop further price drops. Consumers naturally welcome low prices. But too low a price is not sustainable because of unreasonable margins for food producers.

The bigger problem is when prices spike. Unlike cutting supply, increasing supply to stop rising prices is not that straightforward. The current high food prices are mainly driven by a shortage in supply.

The supply shortfall can be due to lower local production, a logistics bottleneck, labour prob-

lems and, not to mention, high costs of inputs, such as raw materials and other agronomic inputs. As always, whenever there is a price hike, we are quick to blame the middlemen. It is time for a rethink.

Middlemen have an important function in a food supply chain. They provide the link between food producers and consumers. They operate much like any other business, always on the lookout for opportunities to maximise returns. Managing risks to mitigate losses is also in their culture.

So when they see a mismatch between supply and demand, they will resort to the necessary strategy to profit, which is true for any business. When they see a supply shortfall, a hike in price would naturally follow. As a business entity, they would make the best of the situation.

Let us not blame the middlemen for the food price dilemma we are in. We should instead look at the root cause of the problem. Clearly, it lies in the big gap that exists between the supply and demand of food items.

Few would dispute the fact that the pandemic has a hand in the disruption of food supply all over

the world. We are aware that the pandemic has disturbed the normal logistics chain that global food supply relies on. During the pandemic, demand for food slowed down. And much of the world's logistics infrastructure became dormant.

The workforce also had to be scaled down. Therefore, as soon as there were some signs of recovery from the pandemic and the consequent spike in food demand, getting the logistics up and running was a massive challenge. We saw how the badly disrupted oil truck logistics in the United Kingdom led to a spike in the price of petrol there.

Market experts tell us that price control is not the best way to moderate food prices. Literally, all developed economies do not practise price control. All prices move in line with supply and demand. Even speculators study changes in supply and demand before they act.

Instead of enforcing price control, it would be better for the authorities to closely monitor the changes in supply and demand in the market. Whenever the gap is seen to be widening, immediate action should be taken to boost



Instead of enforcing price control, it would be better to closely monitor the changes in supply and demand in the market. FILE PIC

supply. If the weakening of supply is due to a labour shortage, then the necessary workforce should be brought in.

There is evidence that much of the current shortage is due to the curbs on the entry of foreign labour due to the movement restrictions. If the supply boost requires importation, the necessary import mechanism should be set in motion immediately.

What is happening now is there is too much focus on controlling prices, ignoring the developments in the supply line. In fact, nowadays, with artificial intelligence and big data analytics, the monitoring of supply can be automated.

Through such monitoring, any

imbalance in supply and demand should automatically set in motion the necessary corrective actions. Unless we address the root cause of the price dilemma by diligently monitoring the supply-and-demand gap, we will never have a lasting solution to the problem.

Every now and again, the problem will recur, especially during festive seasons when demand spikes. Instead of monitoring prices, we should monitor hoarding, which also disrupts supply.

So the answer lies in efficient supply management.

The writer is a professor at the Tan Sri Omar Centre for STI Policy, UCSI University

Sudah terbiasa disengat keli, digigit lintah demi menyahut cabaran bapa

## Gadis tak geli ternak sejuta ikan keli

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

**KUALA NERANG** - Seorang gadis yang merupakan graduan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) tidak kekok untuk mengusahakan kolam ternakan ikan keli di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng di sini sejak tiga tahun lalu.

Menurut Nur Atikah Amran, 24, dia kini menternak kira-kira sejuta ekor ikan keli dalam lapan kolam di kawasan seluas kira-kira 2.5 hektar.

"Saya menceburi bidang ini bagi menyahut cabaran bapa, Amran Shamsuddin (50).

"Sebagai anak kampung, saya tidak kekok untuk turun ke dalam kolam ikan dan disengat ikan selain terpaksa 'bermain' hampur serta berhadapan dengan lintah," katanya.

Kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Gunaan dan Kreatif itu, dia gembira kerana akhirnya dapat mengusahakan lapan kolam ter-

nakan ikan.

"Empat kolam diusahakan bapa sebelum ini dan selepas saya ambil alih, sebanyak empat lagi kolam tambahan berjaya dibina," ujar anak kedua daripada lima beradik itu.

Ujarnya, dia memasarkan antara 600 hingga 700 kilogram ikan keli dengan harga RM4.20 sekilogram setiap hari di sekitar Kuala Nerang, Pokok Sena, Alor Setar, Jitra dan Kuala Ketil, katanya.

Tambahnya, dia pernah melahiri pengalaman pahit apabila kolam ikan keli ini dilanda banjir.

"Saya kerugian hampir RM200,000 selepas ikan keli terlepas keluar ke tali air serta sawah berdekatan.

"Kejadian itu tidak mematahkan semangat saya meneruskan kerjaya sebagai penternak ikan keli, malah akan membina lima kolam lagi bagi menampung permintaan hasil ternakan itu yang semakin meningkat," katanya.



MUR. ATIKAH menunjukkan sebahagian ikan keli yang ditemarkanya di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng.

Oleh Hassan Omar  
am@hmetro.com.my

## ISU KENAIKAN HARGA BARANG

# Masih RM2 semangkuk

Masjid tanah

Meskipun harga ayam meningkat sejak tiga bulan lalu hingga mencapai harga maksimum RM10 sekilogram, seorang peniaga tetap menjual soto ayam pada harga RM2 semangkuk.

Peniaga terbabit, Mak Semah atau nama sebenarnya Semah Baba, 63, tidak mahu menjadikan kenaikan harga ayam sebagai faktor untuk meningkatkan harga jualan soto yang diusahakan sejak 10 tahun lalu.

Katanya, meskipun harga ayam standard dijual pada harga maksimum RM9.30 sejak kemarin dia tetap tidak mengubah harga soto.

"Memang saya dan peniaga makanan lain terbeban dengan kenaikan harga ayam sejak lima bulan lalu dan paling tinggi ia mencecah RM10 sekilogram dua minggu lalu.

"Bagaimanapun, saya masih mampu menyerap kesan kenaikan harga ayam dengan menjual lebih 100 mangkuk soto sehari tanpa mengurangkan sedikit pun ayam carik yang menjadi antara ramuan utama soto," katanya ditemui di wangungnya di Kampung Bukit Apit di sini, semalam.

Semah berkata, harga ayam hanya RM5.80 sekilogram pada

Ogos lalu namun meningkat mendadak lebih 30 peratus kini.

"Harga terus meningkat kepada RM10 sekilogram dua minggu lalu dan ketika itu saya mula merasai kesannya," katanya.

Pada Ahad lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad memaklumkan akan mengkaji semula harga maksimum ayam RM9.30 sekilogram selepas ayam import memasuki pasaran.

Beliau menjelaskan, harga ayam ditentukan oleh keadaan pasaran dan lazimnya apabila penawaran ayam meningkat berikutan kemasukan ayam import, harga akan turun.

Beliau berkata, KPDNHEP memantau keadaan pasaran selepas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) membenarkan ayam sejuk beku diimport hingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan, bagi tempoh bulan ini hingga Februari tahun hadapan.



SEMAMAH tidak naikkan harga soto dijualnya.



AZWAN (kiri) bersama rakannya menyusun ayam segar di kedainya di Peringat. - Gambar NSTP/ HIDAYATIDAYU RAZALI.



NUR Farahani memastikan harga sayur-sayuran dijual di kedainya masih lagi rendah.

## Kekal harga rendah bantu pengguna

**Kota Bharu:** Walaupun harga ayam dan sayur-sayuran naik, namun ada segelintir penjual barangan keperluan harian di Kelantan sedaya upaya cuba mengekalkan harga yang rendah bagi membantu masyarakat.

Hasil tinjauan di sekitar Bachok dan Kota Bharu mendapati ayam dijual dengan harga antara RM7.50 sehingga RM7.90 sekilogram, manakala sayur-sayuran seperti sawi di bawah RM5 sekilogram.

Peniaga ayam, Azwan Che Mat, 31, yang menjual ayam dengan harga RM7.90 sekilogram berkata, dia menga-

mbil untung sedikit kerana mahu membantu penduduk kampung.

Katanya, walaupun mendapat bekalan ayam dengan harga tinggi, namun dia tidak mahu mengambil keuntungan yang banyak.

"Saya mahu membantu penduduk kampung yang terjejas supaya mampu membeli ayam memandangkan banyak barangan keperluan harian sudah naik harga.

"Alhamdulillah hasil jualan yang murah ini dapat menarik lebih ramai pelanggan apabila saya mampu menjual sehingga 300

ayam sehari," katanya ketika ditemui di kedainya di Peringat di sini, semalam.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, bekalan ayam diperolehnya daripada pembekal di sekitar Kota Bharu, Pasir Mas dan beberapa daerah lain.

Sementara itu, peniaga sayur, Nur Farahani Abd Karim, 20, berkata, harga sayur-sayuran di kedainya juga masih lagi rendah apabila dapat menjual sawi dengan harga RM5 sekilogram, tomato RM5 sekilogram, cili merah RM12 sekilogram dan beberapa lagi sayur lain juga dengan di bawah harga

siling.

Katanya, ketika ini, harga sayur-sayuran yang diperolehnya daripada pemborong sangat tinggi, namun sebagai penjual dia tidak mahu memberi beban kepada pelanggan dengan menjual dengan harga yang mahal.

"Untung 50 sen sekilogram sudah cukup bagi saya asalkan barang yang diambil ini habis. Jika tidak dijual sayur-sayuran ini lama-lama akan jadi busuk.

"Lebih baik saya jual dengan harga yang murah, asalkan sayur-sayuran ini laris," katanya ketika ditemui di Jelawat, Bachok.

## PKPS perkenal baja organik lebih murah

**Shah Alam:** Isu kenaikan harga sayur-sayuran boleh diatasi apabila Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memperkenalkan baja organik bermutu tinggi dengan tawaran harga lebih murah serta berpatutan berbanding harga di pasaran.

Baja berkenaan diperkenalkan berikutan kenaikan mendadak harga baja dan racun yang menjadi keluhan petani serta petidagang kecil di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, menerusi inisiatif itu petani turut digalakkan menggunakan baja jenis alam semulajadi.

"Sebagai pengenalan, harga dijual bagi satu tan baja organik keluaran PKPS hanya RM500 berbanding harga di pasaran iaitu RM1,000 hingga RM2,000.

"Oleh kerana PKPS mempunyai kilang pengeluaran baja serta rangkaian logistik sendiri, segala aspek kawalan harga ditentukan oleh PKPS tanpa terkesan oleh kenaikan harga pasaran tempatan," katanya ketika ditemui pada program



Sebagai pengenalan, harga dijual bagi satu tan baja organik keluaran PKPS hanya RM500 berbanding harga di pasaran iaitu RM1,000 hingga RM2,000"

Dr Mohamad Khairil

pelancaran kempen jualan serta agihan Baja Organik Ehsan PKPS di pekarangan Bangunan Dewan Negeri Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata, baja berkenaan dibuat 100 peratus bahan organik daripada tinja ayam dan mempunyai kandungan NPK (Nitrogen, Phosphorus, Potassium) tinggi justeru ia mampu meningkatkan kandungan nutrisi tanah, sekali gus meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman.

Katanya, penggunaan baja organik berkenaan digalakkan kerana kualitinya bermutu tinggi dan sesuai untuk semua tanaman.

# Modal tanam kangkung RM10

Budak enam tahun turut kongsi hasil tuaian bersama 10 keluarga jiran

Oleh Rosman  
Shamsudin  
am@hmetro.com.my

## Slim River

Hasil tabungan RM10 digunakan Muhammad Afiq Aryan Rosman, 6, untuk membeli benih kangkung sebelum ditanam di halaman rumah dan kini hasilnya turut dikongsi bersama 10 keluarga jiran.

"Saya beli tiga pekot benih kangkung pada harga RM6 dan baki digunakan bagi membeli baja.

"Menanam kangkung tidak susah kerana selepas disemai, saya hanya perlu menyiramnya mengikut waktu ditetapkan," katanya.

Muhammad Afiq Aryan yang juga murid prasekolah

Sekolah Kebangsaan Sri Kelledang tinggal bersama ibu bapanya di Taman Slim Perdana dekat sini.

"Kangkung tidak mengambil masa lama untuk dituai dan penjagaannya mudah.

"Walaupun laman hadapan rumah tidak luas, namun kangkung yang tanam boleh dinikmati kami sekeluarga dan jiran," katanya.

Muhammad Afiq Aryan berkata, sebelum ini dia tidak gemar makan sayuran, namun menyukainya selepas menanam kangkung.

"Selepas tiga minggu ditanam, kangkung dituai dan dimasak Ibu. Selebihnya saya sedekahkan kepada jiran.

"Aktiviti ini saya lakukan waktu lapang sejak sekolah dibuka dan harap rakan lain boleh cuba merenamnya," katanya.



MUHAMMAD Afiq Aryan menyiram kangkung yang ditanamnya di hadapan rumah.

## Muara cetek nelayan susah

**Kota Bharu:** Hampir 300 nelayan di Mukim Che Latif di sini, berhadapan kesukaran melabuhkan bot mereka dan masalah itu bertambah kritikal apabila muara sungai Teluk Buaya semakin cetek sejak kebelakangan ini.

Muara sungai Teluk Buaya menjadi laluan keluar masuk nelayan dari empat kampung iaitu Kampung Pantai Mek Mas, Kampung Pulau Keseng, Kampung Kedai Buloh serta Kampung Kuala Besar.

Malah, setiap kali tengkujuh jeli Teluk Buaya menjadi tempat penyimpanan bot disebabkan terlindung daripada ombak serta angin Monsun Timur Laut.

Nelayan, Norwi Mamat, 65, berkata, laluan sepanjang satu kilometer dari muara sungai sehingga ke tempat pelabuhan bot adalah lokasi terjejas teruk.

"Jika waktu air pasang tiada masalah, kapal bersaiz besar pun boleh lalu, tetapi apabila air surut kapal bersaiz sementara arus kembali pasang.

"Namun keadaan muara cetek semakin ketara sejak akhir-akhir ini sehingga terbentuk benteng pasir, sekali gus mendatangkan bahaya kepada bot nelayan.

"Malah ada nelayan kerugian ribuan ringgit selepas bilah kipas enjin bot rosak akibat ter-



NELAYAN di Mukim Che Latif menunjukkan muara sungai teluk buaya yang cetek dan menyukarkan bot keluar masuk.

langgar benteng berlumpur," katanya di Kampung Pantai Mek Mas, di sini, semalam.

Sementara, Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kota Bharu, Saidi Mamat @ Ghani, 49, berkata, setiap kali tengkujuh, hampir 100 bot yang kebanyakan nelayan laut dalam dan memiliki bot kelas A tidak dapat masuk bagi menyimpan bot mereka akibat air cetek.

"Saya hantar surat memohon kebenaran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) beberapa hari lalu untuk mendalamkan muara sungai bagi kemudahan kapal nelayan keluar masuk.

"Beberapa nelayan menghulurkan sumbangan untuk mendalamkan sungai dengan kos

hampir RM20,000 yang secara tidak langsung membantu menyelesaikan masalah sejak tiga tahun lalu.

"Saya harap masalah ini diselesaikan segera kerana kebanyakan nelayan tiada pendapatan tetap," katanya. Penghulu Mukim Che Latif, Zinuddin Daud berkata, keadaan muara cetek bukan sahaja menyukarkan nelayan keluar masuk tetapi mendatangkan bahaya kepada bot nelayan.

"Penduduk di pesisir Sungai Kelantan turut terjejas apabila berlaku limpahan air sehingga memasuki penempatan mereka.

"Terdapat lebih 10 kampung di tepi sungai termasuk Kampung Pulau Kundor, Kampung Pantai Mek Mas dan Kampung Pulau Keseng yang dilanda banjir di apabila berlaku pertembungan air pasang besar dan hujan lebat," katanya.

Nelayan kumpul sumbangan RM20,000 untuk mendalamkan sungai



Skim harga hanya penyelesaian sementara, orang tengah kekal manipulasi harga

## Segera hapus orang tengah

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@mediamula.com.my

**GEORGETOWN:** Langkah kerajaan melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) untuk menstabilkan harga barangan keperluan semasa dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran dilihat hanya mampu menyelesaikan masalah itu untuk tempoh sementara.

Menurut Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, selagi orang tengah yang memanipulasi harga barangan masih wujud dalam rantaian pemasaran, masalah kenaikan harga barangan tidak akan dapat diselesaikan.

Katanya, CAP telah bersuara



**MOHIDEEN ABDUL KADER**

mengenai isu orang tengah itu sejak 20 tahun lalu, namun, sehingga kini golongan tersebut masih menguasai rantaian pemasaran

di-negara ini sehingga menyebabkan pengguna terbeban.

"Apa sahaja skim kawalan harga yang dilaksanakan hanya dapat mengatasi masalah kenaikan harga barangan secara sementara.

"Peranan orang tengah dalam rantaian pemasaran bekalan makanan perlu segera dihapuskan agar pengguna tidak berterusan menjadi mangsa manipulasi harga yang dimainkan orang tengah ini," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sebagai langkah menstabilkan harga barangan

keperluan semasa dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, skim itu berkuat kuasa mulai semalam hingga 31 Disember ini membabitkan kawalan harga ke atas barangan seperti ayam, telur ayam dan beberapa jenis sayur-sayuran.

Antara barangan terbahagi adalah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, telur ayam gred B, telur ayam gred C dan turut tersenarai kacang panjang, cili merah, tomat, sawi hijau, kobis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing) dan timun.

Menurut Mohideen, rantaian

pemasaran bekalan makanan sepatutnya adalah daripada pengeluar atau penternak terus kepada pengguna, namun, sebaliknya berlaku di negara ini.

"Barangan daripada pengeluar serta penternak akan sampai dahulu kepada orang tengah dan mereka yang akan mengedarkannya kepada peruncit.

"Orang tengah telah menjadi punca harga barangan dimainkan sehingga ada yang meningkat 100 peratus," katanya.

Tambahnya, walaupun isu membabitkan orang tengah itu adalah rumit diselesaikan, namun, kerajaan perlu segera menanganinya agar perniagaan dapat berjalan secara telus dan tidak membebankan pengguna.



**SYAZANA Mohd. Salleh** berniaga sayur-sayuran di kedainya di Pasar Besar Alor Setar semalam. - UTUSAN/  
NUR AMATI JUHARI

## Skim harga maksimum: Peniaga hanya dapat balik modal

**ALOR SETAR:** Kebanyakan peniaga di negeri ini mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang bermula semalam hingga 31 Disember ini.

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar semalam mendapati peniaga yang menjual 12 bahan makanan yang disenarai di bawah skim itu mematuhi walaupun ada sesetengah peniaga peroleh sekadar balik modal sahaja.

Antara 12 barang tersebut ialah ayam hidup, ayam

standard beserta kaki, kepala, hati dan hempedu yang dijual RM9.30 sekilogram, ayam super dijual RM10.30 sekilogram dan telur ayam gred A, B dan C yang dijual masing-masing sepapan RM12.90, RM12.30 dan RM11.70.

Peniaga ayam, Abdul Shukur Darus, 48, berkata, dia yang peroleh bekalan ayam di Kuala Lumpur sebelum ini menjual dengan harga RM9.50 sekilogram.

Bagaimanapun, katanya, dia terpaksa menurunkan harga ayam kepada RM9.30 sekilo-

gram bermula semalam.

"Saya memperoleh sedikit keuntungan sahaja selepas membayar gaji pekerja dan kos-kos lain," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Peniaga sayur, Syazana Mohd. Salleh, 22, berkata, enam jenis sayur seperti cili merah dijual pada harga RM17 sekilogram, tomat RM 5.50 sekilogram, sawi hijau RM7 sekilogram, kobis bulat RM4.50 sekilogram, kacang panjang RM7 sekilogram dan Timun RM4.50 sekilogram.

## Kekal jual ayam RM10 sekilogram tanggung kos

**GEORGETOWN:** Peniaga di pasar awam negeri ini masih kekal menjual ayam standard sehingga RM10 sekilogram berbanding RM9.30 sekilogram yang ditetapkan sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berkuat kuasa kelmarin.

Tinjauan di beberapa pasar awam di daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini semalam mendapati berlaku ketidakseragaman harga yang dipamerkan peniaga biarpun skim harga itu sudah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam.

Menerusi tinjauan tersebut, hanya segelintir peniaga akur dengan penetapan harga ayam standard RM9.30 sekilogram termasuk mempamerkan tulisan harga secara terang di papan tanda premis.

Seorang peniaga ayam di pasar awam daerah Barat Daya yang hanya mahu dikenali sebagai Fauzan, 44, berkata, dia terpaksa akur dengan arahan penetapan skim harga kawalan yang bersifat sementara itu.

Menurutnya, ini bagi mengelakkan dikenakan kompaun oleh pihak penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Rugi tetap rugi kerana kami terpaksa berdepan de-

ngan kenaikan kos, lebih-lebih lagi kos pembelian plastik, gaji harian pekerja, bil air dan elektrik serta sewa tapak.

"Namun, kami terpaksa akur memandangkan skim kawalan ini hanya berlaku dalam tempoh sementara sehingga 31 Disember ini sahaja. Harap tidak dilaksanakan secara berterusan sebab memang kami boleh 'bungkus' (rugit).

"Jika dikira, kami hanya untung 50 sen untuk sekilogram ayam standard dan RMI sekiranya berat ayam cecah dua kilogram. Itupun bukan hari-hari kami terima berat ayam sebegitu daripada pemborong," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga ayam di pasar yang juga mahu dikenali sebagai Ilyana, 43, memberitahu, dia memilih untuk kekal menjual ayam standard pada harga RM9.50 sekilogram di pasaran ketika ini.

Akuinya, dia berdepan kerugian sekiranya memasarkan ayam standard pada harga yang jauh lebih rendah iaitu RM9.30 sekilogram memandangkan terpaksa menanggung kos pembelian bahan mentah serta membiayai gaji harian tiga pekerja.

"Kami menjadi semakin tersepit dengan isu harga ayam standard," katanya.